

Jawab semua soalan.

1. Bundarkan ***lapan ratus tujuh puluh tujuh ringgit tujuh puluh lima sen*** kepada ringgit yang terdekat.

A RM 877 B RM 878
C RM 870 D RM 900

2. $\text{RM } 13 - \text{RM } 7.45 + 205 \text{ sen} =$

A RM 7.60 B RM 3.50
C RM 22.50 D RM 18.40

3. $\text{RM } 3041 - 6200 \text{ sen} + \text{RM } 88.50 =$

A RM 391.00 B RM 3067.50
C RM 3191.50 D RM 3291.50

4. $\text{RM}50 - \text{RM}21.75 - 405 \text{ sen} =$

A RM23.75 B RM24.20
C RM25.30 D RM27.80

5. Jadual menunjukkan wang simpanan Aminah.

Wang	Kuantiti (keping)
RM 100	7
RM50	3
RM20	1
50 sen	10

Hitung jumlah wang simpanan Aminah

A RM 875.00 B RM 875.50
C RM 175.50 D RM 830.50

6. Harga kos sebuah kereta ialah RM 56 660. Jika kereta itu dijual dengan harga RM 65 000 setiap unit, berapakah keuntungan yang akan diperoleh daripada hasil jualan 7 kereta yang sama ?
- A RM 58 800 B RM 57 700
C RM 56 600 D RM 58 380
7. Seorang peniaga membeli 12 buah kamera dengan jumlah RM 8 400. Dia kemudian menjual kesemua kamera itu pada harga RM 850 seunit. Kira keuntungan yang diperolehnya.
- A RM 1 800 B RM 1 900
C RM 1 700 D RM 1 600
8. Harga satu set perabot pada awal tahun ialah RM 6 850. Pada penghujung tahun, harga set perabot tersebut telah naik sebanyak RM 1 200. Kira jumlah harga 15 set perabot yang sama.
- A RM 120 750 B RM 120 650
C RM 120 550 D RM 120 450
9. Keuntungan sebuah syarikat pada tahun 2018 ialah sebanyak RM 345 000. Keuntungan syarikat yang sama tahun 2019 pula telah merosot sebanyak RM 41 000. Hitung jumlah keuntungan syarikat itu pada tahun 2018 dan 2019.
- A RM 629 000 B RM 639 000
C RM 649 000 D RM 659 000
10. Rustam membeli sebuah rumah yang berharga RM78 000. Selepas setahun, dia menjual rumah itu dan mendapat keuntungan sebanyak 32%. Berapakah harga jual rumah itu?
- A RM24 960 B RM80 496
C RM101 400 D RM102 960